

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA 2022, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU  
YOON [TEBRAU]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam memastikan kemudahan akses internet 4G itu memuaskan selepas perkhidmatan 3G telah ditamatkan di semua kawasan pedalaman atau luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Matlamat utama inisiatif penamatan rangkaian 3G adalah untuk menggunakan semula spektrum bagi tujuan pengukuhan rangkaian 4G untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada orang ramai dari segi pengalaman yang lebih baik ketika melayari Internet, penstriman video dan perkhidmatan dalam talian lain. Oleh itu, kita dapat melihat peningkatan kualiti daripada aspek kelajuan perkhidmatan 4G yang lebih tinggi, latensi rendah, peningkatan kestabilan rangkaian dan peningkatan kualiti pengalaman.

Setakat 25 Januari 2022, sebanyak 1,466 stesen pemancar 3G sedia ada telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 4G oleh syarikat penyedia perkhidmatan yang utama iaitu Celcom, Digi, Maxis dan U Mobile. Usaha untuk menaik taraf stesen pemancar 3G sedia ada kepada perkhidmatan 4G akan terus dilaksanakan pada tahun ini dengan seberapa segera menggunakan spektrum sedia ada bagi meningkatkan kapasiti serta kualiti jalur lebar mudah alih kepada pengguna.

Selain itu, rangkaian teras (*backhaul*) sedia ada turut dinaik taraf kepada gentian optik di sesetengah kawasan bagi menampung kapasiti radio yang lebih tinggi dalam perkhidmatan 4G. Dengan menaik taraf rangkaian teras dan stesen pemancar 4G ini, ianya akan dapat memastikan akses jalur lebar mudah alih yang lebih bermutu dengan kualiti pengalaman yang lebih baik kepada pengguna dapat disediakan setelah penamatan perkhidmatan 3G secara menyeluruh kelak.

Melalui Pelan JENDELA juga sebanyak 2,175 menara baharu akan dibina untuk meluaskan liputan 4G terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Setakat suku keempat 2021, sebanyak 148 menara telah siap dilaksanakan. Sebagai tambahan, sebanyak 5,394 stesen pemancar sedia ada telah dan akan dinaik taraf kepada 4G untuk meningkatkan kualiti liputan kepada pengguna. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,500 stesen pemancar telah siap dinaik taraf.

## **SOALAN NO: 7**

Pada tahun 2021, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuka 20 kertas siasatan ke atas pembekal perkhidmatan mudah alih hasil daripada aktiviti audit pengukuran kualiti perkhidmatan yang dijalankan di seluruh negara. Setakat ini, dua kompaun telah dikeluarkan kepada pembekal perkhidmatan yang tidak mencapai piawaian yang ditetapkan dengan jumlah kompaun yang ditawarkan sebanyak RM60,000 dan satu kompaun sedang diproses dengan jumlah sebanyak RM20,000. Kompaun-kompaun tersebut melibatkan perkhidmatan Celcom kerana gagal mencapai piawaian di negeri Sabah dan Unifi Mobile di negeri Melaka dan Pahang.

SKMM juga telah merancang untuk meningkatkan aktiviti audit pengukuran bermula tahun ini 2022 bagi semua pembekal perkhidmatan di seluruh Malaysia termasuk kawasan pedalaman atau luar bandar. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 3,000 lokasi telah dirancang di seluruh Malaysia bagi aktiviti audit pengukuran ini yang memfokuskan semua lokasi yang pernah menerima aduan liputan dalam tahun 2021.